

**Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi,  
Menteri Kerja Raya**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Azman Bin Ibrahim,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya**

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Yusuf Bin Haji Abd Wahhab,  
Pengerusi CIDB**

**Yang Berbahagia Datuk Mohd Zaid Zakaria,  
Ketua Eksekutif CIDB**

**Yang Berbahagia Dato' Abdul Aziz bin Abdul Razak,  
Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Keselamatan &  
Koreksional)**

**YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, S.M.S  
YDP Majilis Berbandaran Kuala Langat**

**Yang Berbahagia Dato Mohamad Nasir AB Latif  
Pengerusi, Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad**

**Yang Berbahagia Datuk Imran Salim,  
Pengarah Urusan Kumpulan, Malaysian Resources Corporation  
Berhad**

**Ahli Majlis TVET Negara, Rakan- Rakan Strategik, Tuan-tuan dan  
puan-puan yang dihormati, para jemputan yang dihargai, serta  
wakil rakan media sekalian.**

**Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar**

**Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia Madani.**

- 1. Terlebih dahulu marilah kita bersama mengucapkan puji dan Syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bagi menyaksikan pelancaran Tapak Latihan kren Menara TVET. Pelancaran pada hari ini juga merupakan suatu sejarah penting dalam usaha kita memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional atau TVET bagi industri pembinaan di Malaysia.**
- 2. Untuk terus berdaya saing dan mampan, kita memerlukan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi dan berdaya maju dalam memenuhi permintaan industri pembinaan yang kian berkembang. Pelancaran hari ini adalah bukti komitmen MRCB dalam melahirkan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri serta memberi peluang kepada pembangunan dan inovasi dalam bidang pembinaan.**

**Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

**Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara**  
**Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar**

- 3. Kerjasama strategik diantara CIDB, Jabatan Penjara Malaysia dan MRCB menunjukkan kejayaan yang boleh dicapai apabila sektor awam dan swasta berganding bahu dengan matlamat yang sama. Usaha kita bersama dalam meningkatkan program TVET memastikan latihan yang disediakan bukan sahaja bersifat teori tetapi juga berasaskan pengalaman praktikal di lapangan amat penting untuk berjaya dalam industri pembinaan. Dengan menangani masalah kekurangan dalam latihan seperti keperluan untuk pengalaman menggunakan peralatan mahupun jentera berat, kita menyediakan laluan untuk kejayaan yang sebelum ini sukar dicapai oleh ramai.**
- 4. Kerjasama MRCB dan CIDB mewujudkan visi ini, dengan tekad untuk meneruskan usaha nasional ini dengan melahirkan tenaga kerja mahir tempatan yang mampu membantu pertumbuhan Malaysia.**
- 5. Meneruskan visi ini, kami dengan bangga menjemput tetamu semua pada hari ini ke Perasmian Fasiliti Latihan Kren**

**Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara**  
**Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar**

**Menara, inisiatif yang mempamerkan komitmen kami untuk menyediakan pengalaman latihan yang praktikal. Sebelum ini, operator kren menara kebanyakannya hanya menjalani latihan menggunakan simulator, namun tidak diberikan pengalaman praktikal untuk menguasai operasi mesin yang kompleks ini sepenuhnya, bermaksud ada ruang dan kekangan yang boleh berlaku apabila pelatih berada didalam senario sebenar ketika mengendali Kren Menara. Ini menunjukkan bahawa pentingnya pengalaman praktikal sebenar dalam mempersiapkan pelatih kita menghadapi cabaran sebenar didalam industri pembinaan.**

- 6. Menyedari keperluan ini, fasiliti ini diharap dapat merapatkan jurang antara simulasi dan aplikasi pekerjaan sebenar, membolehkan pelatih mendapat pengalaman praktikal yang tidak ternilai dengan kren Menara yang merupakan salah satu komponen penting dalam projek pembinaan moden. Tapak latihan ini akan menjadi pusat pembelajaran, inovasi, dan pertumbuhan untuk tahun-tahun yang akan datang.**
- 7. Proses untuk memperoleh kren menara dan membangunkan fasiliti ini bukanlah suatu usaha yang kecil dan mudah, kerana ia melibatkan pelaburan besar dan perancangan yang teliti. Pada mulanya, dicadangkan bahawa kren menara dipasang di fasiliti latihan Akademi Binaan Malaysia.**
- 8. Walau bagaimanapun, kerana menekankan faktor keselamatan, kami terpaksa mencari lokasi lain yang lebih**

**Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar**

**sesuai. Dalam usaha ini, beberapa lokasi diuji sebelum tapak yang sesuai dikenal pasti.**

- 9. Mendapatkan kren menara juga melibatkan pelbagai keperluan regulatori, termasuk mendapatkan permit dan memastikan keadaan tapak yang sesuai. Semua usaha ini mencerminkan komitmen mendalam MRCB terhadap projek ini. Dengan perbelanjaan melebihi Ringgit Malaysia 1 juta, ia mencerminka pelaburan besar MRCB demi masa depan tenaga kerja kita di Malaysia.**
- 9. Sebagai sebahagian daripada pendekatan menyeluruh, fasiliti ini menawarkan latihan dalam kelompok kemahiran yang memastikan pelatih menerima latihan yang komprehensif. Dengan menggabungkan pelbagai kemahiran dan disiplin seperti konkrit, kerja formwork, teknologi kimpalan, kerja mekanikal, dan kerja kayu, dalam satu program latihan, kita pasti dapat membentuk tenaga kerja yang serba boleh dan yang berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan industri pembinaan.**

**Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar

10. Melihat ke hadapan, MRCB kekal komited untuk memajukan industri pembinaan melalui penyelesaian inovatif dan mampan. Salah satu cabaran utama yang MRCB tangani bersama ialah kekurangan operator kren Menara mahir. Menjadi operator kren Menara yang terlatih membuka peluang pekerjaan baru yang stabil dan lumayan. Membekalkan pelatih dengan kemahiran khusus ini, dapat memperkasa mereka untuk memperoleh pendapatan yang baik disamping menyumbang kepada matlamat industri yang lebih luas.
11. Fokus utama kami yang lain ialah pembinaan modular, satu kaedah pembinaan yang lebih mampan yang bukan sahaja mampu mengurangkan pembaziran dan pelepasan karbon, tetapi juga meningkatkan kualiti binaan dan mengurangkan kebergantungan industri kepada pekerja asing. Pendekatan ini adalah penting ketika kita mengadaptasi kaedah pembinaan inovatif dan mampan.
12. Komitmen kami terhadap pembinaan modular diperkuuhkan lagi oleh latihan di Fasiliti Latihan Kren Menara ini, di mana pelatih belajar menguasai teknik pembinaan moden, meningkatkan kecekapan dan memastikan tenaga kerja kita bersedia untuk memenuhi keperluan masa depan.

Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar

**Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

13. Menyedari keperluan untuk pendekatan inklusif dalam pembangunan tenaga kerja, perjalanan kami di MRCB dalam TVET telah pun bermula pada tahun 2019 lagi dengan pengenalan Program PEKA, yang bermaksud “Peluang Kedua Anda.” PEKA mencerminkan komitmen kami dalam mempertingkatkan kemahiran banduan terpilih yang dikenali sebagai prospek. Melalui pembangunan kemahiran dan peluang pekerjaan ini, ia menawarkan laluan praktikal bagi prospek yang sering kali berdepan stigma bekas banduan dalam masyarakat, agar dipermudahkan untuk keluar dari kitaran jenayah dan pengangguran. Melalui program ini, kami telah menyediakan latihan yang tidak ternilai bagi ahli-ahli program, membolehkan mereka berintegrasi semula ke dalam masyarakat sebagai tenaga kerja terampil.
14. Program PEKA direka untuk memberi prospek kemahiran yang diperlukan untuk berjaya, dan menawarkan beberapa manfaat bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka, seperti:
  - Memberi pengalaman kerja sebenar di tapak pembinaan,,
  - Menghasilkan pekerja mahir yang kompeten melalui latihan bertauliah CIDB, sekali gus membantu meningkatkan bilangan tenaga mahir dalam industri pembinaan.
  - Mengurangkan kadar pengangguran di kalangan warga

Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar

yang kembali berintegrasi, sekaligus membantu mengurangkan kadar residevis.

15. **Sukacita saya maklumkan, sehingga kini, tiada seorang pun daripada 460 prospek yang terlibat dalam program PEKA kembali melakukan jenayah.**
16. **Ingin juga saya kongsikan kepada tetamu semua, program TVET PEKA MRCB yang dilancarkan pada tahun 2019 juga bermula di tapak yang sama disini iaitu Casting Yard Saujana Putra. Dan pada hari ini, kami berbangga untuk berkongsi seramai 10 lagi prospek baharu program PEKA bersama kita di majlis perasmian petang ini yang telah mula bekerja sejak 8 November lalu.**
17. **Program PEKA bukan sahaja memperkaya tenaga kerja dan mengisi jurang kemahiran dalam industri pembinaan tetapi juga sejajar dengan matlamat sosial dan inklusiviti yang lebih luas, iaitu memberi keyakinan kepada individu untuk membina semula kehidupan mereka dan menyumbang secara positif kepada pembangunan negara. Dengan lebih daripada 460 prospek yang telah dilatih setakat ini, PEKA terbukti visi MRCB dan Jabatan Penjara Malaysia membuka ruang prospek diterima balik di dalam kelompok masyarakat yang lebih inklusif dan adil selaras dengan 6 prinsip Malaysia Madani, iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, Dan Ihsan.**

**Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar**

**Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

- 18. Kesan inisiatif ini melangkaui MRCB. Dengan menyemai tenaga kerja yang terlatih, kita turut menyumbang kepada pertumbuhan dan daya saing industri pembinaan Malaysia secara keseluruhan. Sumber bakat tempatan yang mantap memastikan kita terus mampu memberikan projek berkualiti tinggi sambil mengadaptasi amalan inovatif dan mampan yang selaras dengan piawaian global terkini.**
- 19. Kesemua usaha ini adalah inisiatif yang diambil bagi merealisasikan matlamat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang baru -baru ini menekankan pentingnya sektor pembinaan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial. Beliau menyatakan keperluan mendesak industri untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada tenaga kerja asing. Kini adalah masanya untuk memperkasakan industri pembinaan melalui TVET bagi membina tenaga kerja tempatan yang cekap dan produktif selaras dengan matlamat Construction 4.0.**
- 20. Akhir kata, saya ingin menyampaikan penghargaan ikhlas kepada:**

**Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Manara  
Ucapan Alu-Aluan oleh Datuk Dell Akbar**

**Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi,  
Menteri Kerja Raya**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Azman Bin Ibrahim,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya**

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Yusuf Bin Haji Abd Wahhab,  
Pengerusi CIDB**

**Yang Berbahagia Datuk Mohd Zaid Zakaria,  
Ketua Eksekutif CIDB**

**Yang Berbahagia Dato' Abdul Aziz bin Abdul Razak,  
Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Keselamatan &  
Koreksional)**

**YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, S.M.S  
YDP Majilis Berbandaran Kuala Langat**

**Yang Berbahagia Dato Mohamad Nasir AB Latif  
Pengerusi, Kumpulan Malaysian Resources Corporation  
Berhad**

**Yang Berbahagia Datuk Imran Salim,  
Pengarah Urusan Kumpulan, Malaysian Resources  
Corporation Berhad**

**serta semua rakan strategik dan kolaborator yang telah  
menjayakan inisiatif ini.**

**Dedikasi dan Kerjasama anda sangat penting dalam  
merealisasikan program latihan ini. Marilah kita terus  
melangkah kearah memperkasakan program TVET  
Malaysia.**

**Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**